

15 APR 1997

Mahathir-Selangor

BELUM ADA CALON UNTUK JAWATAN MB, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 15 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau masih belum mendapat calon untuk menggantikan Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib sebagai Menteri Besar Selangor.

Muhammad meletakkan jawatan itu semalam.

"Saya masih belum mendapat calon berkenaan lagi," kata beliau kepada pemberita di sini selepas mengambil bahagian dalam sidang video seluruh negara untuk menghuraikan koridor raya multimedia (MSC).

Perdana Menteri telah ditanya bila beliau akan menghadap Sultan Selangor untuk membincangkan perkara berkaitan pengganti Muhammad.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno telah mengumumkan peletakan jawatan Muhammad selepas mempengerusikan mesyuarat bulanan Majlis Tertinggi (MT) Umno pada Sabtu lepas.

Mengikut perlembagaan negeri Selangor, kekosongan jawatan Menteri Besar hendaklah diisi dalam tempoh 28 hari selepas pelantikan jawatan itu.

Muhammad sedang menghadapi tuduhan gagal mengisytiharkan wang tunai bersamaan RM2.4 juta nilainya yang dibawanya semasa hendak meninggalkan Australia di lapangan terbang antarabangsa Brisbane pada Disember tahun lepas.

Beliau juga dijangka menghadapi satu lagi tuduhan, membuat perisytiharan palsu, apabila kesnya didengar pada 19 Ogos.

Dr Mahathir enggan memberi ulasan apabila ditanya sama ada beliau menerima keputusan Muhammad untuk terus memegang jawatan Naib Presiden Umno.

Pada persidangan akhbar semalam, Muhammad berkata beliau akan terus memegang jawatan Naib Presiden parti itu di samping sebagai anggota Dewan Undangan Negeri Selangor kawasan Batang Kali dan Ketua Bahagian Umno Hulu Selangor.

Selain jawatan Menteri Besar, Muhammad juga melepaskan jawatan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor dan Wilayah Persekutuan dan Pengerusi Barisan Nasional Selangor dan Wilayah Persekutuan. -- BERNAMA

MAM NMO